

Headline	FRIM mahu berdaya saing		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	MOHD. AZRAIE MD. YUSOF	AdValue	RM 9,135
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,405



Rang Undang-Undang FRIM ke Parlimen, Mac ini

FRIM mahu berdaya saing

Oleh MOHD. AZRAIE MD. YUSOF

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 FEB.

RANG Undang-Undang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat bulan depan bakal membuka lembaran dan dimensi baharu kepada FRIM dalam usaha menjadi sebuah organisasi berdaya saing dan lebih korporat.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mahmud berkata, rang undang-undang itu apabila digazetkan akan membolehkan segala produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) FRIM dipatenkan dan dikomersialkan sekali gus menjana pendapatan.

“Dengan adanya undang-undang ini, kita mempunyai hak untuk melindungi apa yang kita usahakan dari segi paten. Selain itu, kita boleh menuju syarikat

dan memasarkan sendiri produk-produk yang dihasilkan.

“Sasaran jangka panjang kita adalah untuk tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kerajaan sebaliknya semua aktiviti R&D FRIM berteraskan daripada pendapatan yang kita jana sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika mengadakan kunjungan ke Ibu Pejabat Utusan Me-

layu (M) Berhad di sini hari ini bersama 22 kakitangan FRIM.

Dalam kunjungan itu, FRIM menyumbangkan sebatang pokok yang dinamakan Kelat Nenasi atau Gelam Tikus sebagai tanda penghargaan atas liputan yang diberikan *Utusan Malaysia* terhadap segala aktiviti yang dilakukan agensi berkenaan.

Upacara menanam pokok itu di pekarangan Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad disempurnakan oleh Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Mohd. Noordin Abbas dan Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak.

Mengulas mengenai kunjungan tersebut, Abd. Latif berharap pihaknya dapat menjalankan kerjasama lebih erat dengan *Utusan Malaysia* dalam mengangkat hasil R&D FRIM ke peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, tanpa sokongan yang diberikan akhbar itu, agak susah untuk FRIM mengorak langkah ke hadapan lebih-lebih lagi apabila bidang sains perhutanan masih lagi kurang mendapat perhatian masyarakat di negara ini.

“Pokok Gelam Tikus yang kita bawa ini merupakan langkah awal pihak FRIM untuk bangunkan ibu pejabat Utusan dengan pokok-

pokok yang merupakan indeks biodiversiti kepada negara.

“Dengan itu Utusan bukan sahaja dilihat memperjuangkan alam sekitar dan R&D perhutanan melalui penulisan, malah turut menghayati biodiverisiti sebagai khazana negara,” ujarnya.



**Pokok Gelam
Tikus yang
kita bawa ini
merupakan langkah
awal pihak FRIM
untuk bangunkan
ibu pejabat Utusan
dengan pokok-
pokok yang
merupakan indeks
biodiversiti kepada
negara.”**

ABD. LATIF MAHMUD
Ketua Pengaruh FRIM

Headline	FRIM mahu berdaya saing		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	458 cm ²
Journalist	MOHD. AZRAIE MD. YUSOF	AdValue	RM 9,135
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,405



MOHD. NOORDIN ABBAS menanam pokok Gelam Tikus sumbangan FRIM sambil diperhatikan Abd. Latif Mahmod (dua dari kiri), dan Abdul Aziz Ishak (kiri) di pekarangan Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Bhd. di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MD.SHAHJEHAN MAAMIN